

Keluarga Jho Low cuba halang mahkamah AS rampas aset 1MDB
Free Malaysia Today
Dec 7, 2016
Reuters

Empat keluarga terdekat Low Taek Jho akan memfailkan tindakan mahkamah di New Zealand dan Kepulauan Cayman minggu ini agar hartanah, aset dipindahkan kepada pemegang amanah baru.

NEW YORK: Keluarga ahli perniagaan Malaysia Low Taek Jho bercadang mengambil tindakan mahkamah baharu dalam usaha menghalang kerajaan Amerika Syarikat (AS) merampas aset berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sedang disiasat, kata mahkamah.

Empat keluarga terdekat Low Taek Jho akan memfailkan tindakan mahkamah di New Zealand dan Kepulauan Cayman minggu ini agar hartanah dan aset lain dipindahkan kepada pemegang amanah baru, menurut usul pada Isnin di Mahkamah Persekutuan Los Angeles.

Ia bertujuan menangguh pendengaran, dan memberikan masa kepada ahli keluarga membawa kes ke mahkamah di New Zealand dan Kepulauan Cayman, yang dipersoalkan kerajaan tentang lokasi sesuai bagi permintaan itu. Kerajaan menentang tindakan melambatkan perbicaraan dari 12 Disember hingga 23 Januari.

Ahli perniagaan, yang lebih dikenali sebagai Jho Low adalah antara individu yang dinamakan dalam tindakan undang-undang sivil difailkan pada Julai oleh Jabatan Kehakiman AS, yang mendakwa lebih AS\$3.5 bilion disalahgunakan daripada dana 1MDB.

Tindakan undang-undang berusaha merampas AS\$1 bilion aset didakwa disalurkan dari 1MDB dan dialihkan ke dalam estet hartanah mewah di New York, Beverly Hills dan London, lukisan berharga, dan jet peribadi.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menubuhkan dana itu 2009 dan mempengerusikan lembaga penasihatnya sehingga baru-baru ini.

Tindakan keluarga Low untuk mencuba mahkamah lain datang selepas kerajaan AS menentang percubaan sebelumnya bagi menggantikan pemegang amanah semasa, yang dikatakan tidak dapat memfailkan tuntutan bagi memindahkan kawalan aset.

Selain Low, Jabatan Kehakiman juga menamakan Riza Aziz dalam tindakan undang-undang itu. Aziz adalah anak tiri Najib dan pengasas Red Granite Pictures, yang menerbitkan filem blockbuster Hollywood blockbuster "The Wolf of Wall Street" pada 2013.

Tindakan undang-undang tidak menamakan Najib tetapi berkata lebih AS\$700 juta dana disalahgunakan mengalir ke dalam akaun "Pegawai Malaysia Nombor 1", yang AS dan pegawai Malaysia kenal pasti sebagai Najib.

Najib menafikan sebarang salah laku dan berkata Malaysia akan bekerjasama dalam siasatan antarabangsa.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/07/keluarga-jho-low-cuba-halang-mahkamah-as-rampas-aset-1mdb/>